



**GARIS PANDUAN
GERAN PEMBIAYAAN SEPADAN (MATCHING GRANT)
MELIBATKAN
UMT DAN TIGA AGENSI LUAR (1 PLUS 3 AGENCY)
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
21030 KUALA NERUS, TERENGGANU**

1. PENGENALAN

- 1.1 Geran pembiayaan sepadan (Matching Grant) merupakan satu inisiatif yang disediakan oleh universiti dalam meningkatkan kolaborasi penyelidikan bersama dengan sekurang-kurangnya tiga agensi luar.
- 1.2 Kolaborasi yang diusahakan bersama dengan agensi luar akan meningkatkan lagi kepercayaan agensi luar dan keterlihatan kepakaran penyelidik di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).
- 1.3 Geran ini juga adalah usaha untuk meningkatkan lagi prestasi dalam penyelidikan terutama dalam penilaian Malaysia Research Assessment (MyRA).

2. TUJUAN

Meningkatkan kerjasama dengan pihak agensi luar menjalankan penyelidikan dan inovasi bagi menghasilkan penemuan baharu atau menyelesaikan isu yang telah dipersetujui di samping menyumbang ke arah peningkatan kualiti dan kuantiti penyelidikan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

3. SYARAT PERMOHONAN

Geran ini terbuka kepada semua staf akademik UMT dengan syarat-syarat berikut:

- 3.1 Staf Akademik di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).
- 3.2 Bagi staf akademik bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama bertaraf tetap.
- 3.3 Permohonan bukan warganegara Malaysia dimestikan mempunyai penyelidik bersama berstatus warganegara Malaysia.
- 3.4 Staf akademik yang sedang cuti belajar tidak dibenarkan menjadi ketua penyelidik.
- 3.5 Permohonan geran pembiayaan melibatkan lebih daripada tiga agensi luar boleh terdiri daripada mana-mana agensi luar kerajaan (termasuk universiti dan Institut Penyelidikan seperti MARDI)/swasta (termasuk NGO)/antarabangsa dengan nilai keseluruhan geran daripada kesemua agensi bernilai RM20, 000 dan ke atas.

- 3.6 Peruntukan bagi perkara 3.5 tidak memerlukan peruntukan luar untuk disalurkan ke Bendahari UMT.
- 3.7 Pemohon telah mempunyai draf perjanjian bersama dengan agensi luar yang akan bekerjasama.

4. SKOP PEMBIAYAAN

- 4.1 Pembiayaan bagi penggunaan peruntukan tersebut adalah tertakluk kepada perjanjian yang telah dipersetujui dalam perjanjian yang ditandatangani.
- 4.2 Jumlah maksimum siling peruntukan adalah RM20,000 bagi setiap permohonan dan tertakluk kepada keputusan panel penilai.

5. TEMPOH PROJEK

- 5.1 Tempoh projek maksimum adalah dua puluh empat (24) bulan.

6. PERATURAN KEWANGAN

- 6.1 Semua penggunaan kewangan adalah tertakluk kepada pekeliling/garis panduan semasa yang berkuatkuasa di UMT.

7. OUPUT

- 7.1 Projek perlu menghasilkan sekurang-kurangnya 4 artikel terindeks yang mana 1 artikel perlu berstatus sebagai *corresponding author*.
- 7.2 Setiap penulisan afiliasi dalam artikel yang dihasilkan mesti dimasukkan agensi yang bekerjasama dalam meningkatkan kolaborasi UMT bersama agensi luar.

8. PROSES PERMOHONAN

8.1 Permohonan perlu menggunakan borang permohonan Geran Pembiayaan Sepadan yang terkini dikeluarkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) dan melampirkan draf/surat niat perjanjian bersama agensi yang berkaitan

8.2 Semua permohonan hendaklah dihantar ke:

Urusetia Geran Pembiayaan Sepadan (Matching Grant)

Seksyen Pengurusan Geran Penyelidikan
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
Universiti Malaysia Terengganu
Bangunan Pengajian Siswazah
21030 Kuala Nerus, Terengganu

8.3 Semua permohonan geran Geran Pembiayaan Sepadan akan melalui satu proses pembentangan di hadapan panel penilai dilantik mengikut bidang.

9. PENGUMUMAN TARIKH PERMOHONAN

9.1 Permohonan bagi Geran Pembiayaan Sepadan dibuka sekali setahun dan bergantung kepada dana yang disalurkan oleh universiti.

9.2 Makluman pembukaan akan dibuat melalui hebahan warga UMT.

10. PENILAIAN DAN PEMANTAUAN

10.1 Keputusan permohonan bagi Geran Pembiayaan Sepadan (Matching Grant) tertakluk kepada keputusan panel penilai yang dilantik.

10.2 Satu sesi pembentangan perlu di buat oleh pemohon dihadapan panel penilai yang dilantik.

10.3 Semua projek yang diluluskan di bawah geran Geran Pembiayaan Sepadan akan dipantau oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) dua (2) kali setahun.

10.4 Para penyelidik perlu menghantar laporan kemajuan mengikut format borang laporan terkini yang disediakan RMIC.